

21 JUN 20203

Mahathir-Salam

ORANG RAMAI BERPUSU-PUSU UNTUK BERSALAM DENGAN PM

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Ratusan orang ramai bersesak-sesak di lobi Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini untuk cuba bersalaman dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54 hari ini.

Tanpa mengira usia mereka berasak-asak untuk mendapat tempat paling depan di kiri kanan permaidani merah yang dibentang sebagai laluan Perdana Menteri dari pintu utama Dewan Merdeka hingga ke bilik sidang media.

Sebaik sahaja lagu "Negara Ku" berakhir yang diikuti selawat Nabi sebagai menandakan berakhirnya persidangan, orang ramai mula berpusu-pusu di depan pintu dewan yang memaksa pasukan keselamatan membentuk benteng manusia.

Sebaik presiden parti itu melangkah keluar, laungan "Hidup Mahathir!" dan "Hidup Umno!" kedengaran bersahut-sahutan.

Kerumunan itu mula tolak menolak dan paut memaut untuk meloloskan diri ke tempat paling depan dan di celah-celah itu, ada yang terjerit kerana kaki dipijak orang.

Ada yang hampir terjatuh dan ada kepala yang terhantuk kamera jurugambar media yang turut sama mengharungi lautan manusia itu untuk mendapatkan sudut penggambaran terbaik aksi Perdana Menteri di perhimpunan tahunan parti yang terakhir dihadapinya sebagai presiden.

"Ini berbaloi...", seorang lelaki di dalam kerumunan itu kedengaran berkata.

Dengan tersenyum lebar sambil memegang tangan kanannya, lelaki itu dilihat menoleh, mungkin mencari temannya untuk memberitahu yang dia berjaya bersalam dengan pemimpin nombor satu negara.

Sementara itu, beberapa pemberita yang ingin mendapatkan reaksi pemimpin parti hanya mampu mengeluh melihat pemimpin yang dicari dipisahkan jauh oleh limpahan manusia.

-- LAGI

NM KHY ROS